

- extra -

SULIT

1103/3CI

1103/3CI

Bahasa Melayu
Kertas 3
Ogos/September
2024



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2024

BAHASA MELAYU

KERTAS 3

UJIAN BERTUTUR INDIVIDU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi enam soalan*
2. *Pengawas dikehendaki untuk menyerahkan satu soalan sahaja kepada setiap calon semasa di dalam bilik menunggu.*

Amaran

1. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
2. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik peperiksaan sebaik sahaja peperiksaan tamat.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 9 halaman tidak bercetak.

1103/3 - TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SERANGAN PENYAKIT BERJANGKIT




Salah satu punca utama mengakibatkan kematian kanak-kanak adalah disebabkan penyakit berjangkit kerana sistem imun atau daya tahan mereka melawan jangkitan masih lemah. Penyakit berjangkit seperti cacar berjaya dihapuskan di seluruh dunia, manakala jangkitan penyakit lain dapat dikurangkan dalam tempoh 50 tahun yang lalu melalui pelaksanaan vaksin. Malangnya, pada tahun 2020, terdapat penurunan yang ketara dalam pengambilan vaksin kanak-kanak disebabkan oleh perintah berkurung dan sekatan pergerakan yang dijalankan di seluruh dunia. Vaksinasi kanak-kanak penting dalam membantu melindungi anak daripada penyakit berjangkit agar dapat menjalani kehidupan yang kekal sihat dan selamat bersama-sama keluarga dan masyarakat. Malaysia sudah lama menyediakan perkhidmatan imunisasi percuma untuk kanak-kanak bagi tujuan mencegah penyakit berjangkit. Program Imunisasi Kebangsaan diperkenalkan pada awal 1950-an dan kemudiannya diikuti oleh Program Perkembangan untuk Imunisasi pada tahun 1989.

Dipetik dan diubah suai daripada
'5 Penyakit Berjangkit Kerap Serang Anak-anak'
oleh Sahul HM,
Berita Harian Online, 9 Ogos 2022

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2**[40 markah]**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEJARAH KHAZANAH BERHARGA

Sejarah ialah subjek yang sering kali dipandang sukar oleh generasi kini kerana begitu banyaknya fakta dan kisah yang terpateri dalam buku teks Sejarah. Namun yang demikian, walaupun subjek ini agak sukar, tindakan kerajaan mewajibkan murid-murid lulus dalam mata pelajaran Sejarah harus disokong sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pada hakikatnya, subjek ini dilihat mampu untuk memupuk semangat patriotik dalam diri remaja. Kemerdekaan tanah air yang kita raikan pada hari ini bukanlah sekadar perjanjian bertulis yang termeterai antara dua pihak, sebaliknya bermula dengan perjuangan yang suci dan kesengsaraan yang dialami oleh segenap masyarakat. Apabila kita mempelajari sejarah, kita dapat menelusuri dengan lebih mendalam jasa tokoh yang terlibat untuk mempertahankan kedaulatan negara. Sebagai contohnya, perjuangan Dato' Maharajalela hingga ke tali gantung untuk membebaskan Perak daripada belenggu British.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Menghargai ilmu Warisan dan Budaya Kita'
oleh Shakira Khairuddin,
Dewan Siswa, Bil 08/2021

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AWASI PENULARAN BERITA PALSU

Sudah menjadi kebiasaan hidup bagi masyarakat kontemporari untuk lebih memberikan tumpuan terhadap berita yang berunsur negatif dan melibatkan kematian ataupun kecederaan. Sehubungan dengan itu, muncullah pihak tertentu yang tergamak untuk menulis berita yang berunsurkan hiperbola bagi menarik perhatian masyarakat. Terdapat Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang bertujuan mengekang fenomena penularan berita palsu yang berpotensi menimbulkan kebimbangan, kekeliruan dan menggugat ketenteraman awam. Namun prakarsa ini seakan-akan menghadapi jalan buntu dalam usaha untuk menangani penularan berita palsu di media sosial lantaran kekurangan penguatkuasaan, pendakwaan dan pelaksanaan. Sememangnya, penyebar berita palsu sukar dikesan dan ditangkap kerana mereka sering memalsukan maklumat diri ketika pendaftaran akaun dalam talian. Oleh itu, kita perlulah menimbang baik buruknya sesuatu perkara dan bijak membezakan antara yang benar dengan yang palsu sebelum menyebarkan berita kepada orang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Berita Palsu sebagai Musuh Negara'
oleh Jasmine Lee,
Dewan Siswa, Bil 09/2022

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

REAKTIF ATAU PROAKTIF



Seseorang itu perlu mendapatkan keseimbangan hidup dengan menyeimbangkan cita-cita dengan tabiat. Kebiasaannya, kita mempunyai cita-cita yang positif, tetapi memiliki tabiat yang negatif. Tabiat negatif wujud kerana seseorang itu kurang berusaha, takut untuk mencuba, dan lebih buruk lagi membayangkan kegagalan sebelum memulakan sesuatu yang baik. Tips pertama untuk mendapatkan keseimbangan dalam kehidupan adalah mengawal minda dan emosi. Kedua-duanya mesti seimbang dan saling menapis setiap respons dan tindakan negatif anda untuk mendapatkan hasil kehidupan yang positif. Orang sekeliling dan suasana di sekeliling anda banyak mempengaruhi tabiat positif atau negatif diri anda. Orang yang mempunyai hati dan fikiran yang kuat tidak mampu dipengaruhi oleh orang di sekelilingnya. Manakala tips kedua pula, tumpuan dan fokus harus diberikan terhadap sesuatu yang hendak dilakukan. Contohnya, kita perlu fokus ketika menggunakan kamera untuk mendapatkan gambar yang cantik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Reaktif atau Proaktif, Pilihan di Tangan Anda'
oleh Muhaya Haji Mohamed,
Dewan Siswa, Januari 2023

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KERJAYA DOKTOR



Doktor merupakan kerjaya yang menawarkan perkhidmatan merawat orang yang sakit. Tidak semua orang yang merawat orang yang sakit boleh digelar sebagai doktor. Di Malaysia, individu yang mahu menjadi doktor harus mendapat tauliah daripada Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai sijil kedokteran dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Doktor atau juga dikenali sebagai pegawai perubatan, mempunyai pengkhususan kepakaran dalam satu atau lebih cabang yang terkandung dalam bidang perubatan. Contohnya, dalam bidang kardiologi, onkologi, dan lain-lain. Pada dasarnya, seseorang yang mempunyai kelulusan sebagai seorang doktor berada pada peringkat pertengahan dalam bidang tersebut. Oleh itu, untuk mencapai peringkat kepakaran yang lebih tinggi, para doktor perlu melalui latihan serta ujian selama dua hingga tiga tahun sebelum diiktiraf menjadi doktor pakar perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Doktor'

oleh Nur Atikawate Erny Md Aris,
Dewan Siswa, Mac 2021

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INDUSTRI KRAF TANGAN



Stigma sesetengah masyarakat setempat memperlihatkan produk kraf tangan Malaysia semakin dipandang sepi dalam meniti arus kemodenan ini. Perkara ini disebabkan sikap sebahagian rakyat Malaysia yang memilih produk berjenama dan moden yang semakin mendapat permintaan dalam pasaran antarabangsa. Bagi mengekalkan kelangsungan industri tersebut, semua pihak seharusnya berganding bahu ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni untuk melaksanakan prakarsa dalam mempergiat sektor kraf tangan tempatan supaya tidak lenyap dimamah zaman. Dalam konteks ini, produk kraf tangan yang kreatif dan inovatif diperlukan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Sehubungan dengan itu, pengusaha kraf tangan boleh mempelbagaikan hasil kraf tangan yang menarik melalui penggabungan kaedah penghasilan dan unsur tradisional dengan reka bentuk moden semasa menghasilkan kraf tangan. Melalui kaedah ini, identiti tempatan boleh dikekalkan sepanjang zaman.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Usaha Memajukan Industri Kraf Tangan Malaysia'
oleh Tung Zi Xin,
Dewan Siswa, November 2022

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT